

MAHATHIR - PEMBANGKANG R'R'R'

PULAU PINANG, 7 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, TEMPOH KEMPEN PILIHAN RAYA YANG PANJANG BOLEH MENIMBULKAN KETEGANGAN KERANA RAKYAT TIDAK AKAN DAPAT MENUMPUKAN PADA PERKARA-PERKARA LAIN.

+KALAU PANJANG IA BOLEH MENIMBULKAN KETEGANGAN. ORANG TIDAK BOLEH MENUMPUKAN PADA PERKARA LAIN... HANYA NAMPAK PILIHAN RAYA SAHAJA,+ KATANYA.

LEBIH CEPAT PILIHAN RAYA ITU DISELESAIKAN, LEBIH BAIK,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO BALIK PULAU DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS DAKWAAN PEMBANGKANG KONONNYA TEMPOH KEMPEN SEPULUH HARI YANG DITETAPKAN OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA AKAN HANYA MEMBERI KELEBIHAN KEPADA BARISAN NASIONAL.

SEBAGAI CONTOH, KATA BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO, TEMPOH KEMPEN YANG PANJANG PADA PILIHAN RAYA 1969 TELAH AKHIRNYA MENIMBULKAN RUSUHAN. -- LAGI.

1914MST 07 10 90

D818

U B062 BAH

MAHATHIR - PEMBANGKANG 2 PULAU PINANG R'R'R'

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA SUDAH LEBIH SATU ATAU DUA TAHUN RAKYAT MENDENGAR KEMPEN-KEMPEN PILIHAN RAYA, MALAHAN PARTI PEMBANGKANG TELAH BERKEMPEN SERATA TEMPAT SEJAK 1987 LAGI.

+JIKA SUDAH SAMPAI DUA TAHUN MEREKA BERKEMPEN, RAKYAT TIDAK FAHAM LAGI..., SUSAHLAH,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SPR MENGUMUMKAN JUMAAT LEPAS, BAHAWA TARIKH PENAMAAN CALON DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK DITETAPKAN PADA 11 OKT 1990. HARI PENGUNDIAN PADA 21 OKT DI SEMENANJUNG, MANAKALA DI SABAH DAN SARAWAK PADA 20 DAN 21 OKT 1990.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMBIDAS PERMINTAAN PEMBANGKANG YANG MAHU AKHBAR MEMUATKAN LAPORAN-LAPORAN MENGENAI MEREKA, SEDANGKAN TEGAS BELIAU, AKHBAR HARAKAH DAN ROCKET HANYA MEMUATKAN LAPORAN YANG MEMAKI KERAJAAN BERMULA DARIPADA MUKA PERTAMA SAMPAI AKHIR.

BELIAU BERTANYA SAMA ADA DUA AKHBAR ITU JUGA BERSEDIA MEMBERI LAPORAN YANG SAKSAMA KEPADA KERAJAAN? -- LAGI.

1916MST 07 10 90

D819

U B063 BAH

MAHATHIR - PEMBANGKANG 3 PULAU PINANG R'R'R'

+JIKA MEREKA TAK BOLEH, JADI MACAMANA MEREKA NAK SURUH ORANG LAIN?+ KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PEMBANGKANG BERSIFAT TIDAK BERSETUJU DENGAN AKHBAR KALAU TIDAK MELAPORKAN YANG BAIK (MENGENAI MEREKA) SEHINGGA SANGGUP MEMBAKAR AKHBAR.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA BERTUJUAN UNTUK MENYELESAIKAN BEBERAPA PERKARA BERHUBUNG DENGAN MASALAH DALAMAN PARTI.

SAMBIL BERKATA IA +MASALAH KELUARGA+, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA UMNO SEBAGAI PARTI YANG BERDISIPLIN BOLEH MENYELESAIKAN SEMUA MASALAHNYA.

MENGENAI CALON-CALON BARISAN NASIONAL DI PULAU PINANG, BELIAU BERKATA, IA HAMPIR SELESAI DAN ESOK BELIAU AKAN MENEMUI PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, UNTUK MENENTUKAN SENARAI CALON YANG AKAN BERTANDING TERMASUK DI SABAH DAN SARAWAK.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.